



## 5.1 Kesimpulan

Dari seluruh kajian dan pembentangan yang dibuat, penulis dapat merumuskan kesimpulan seperti berikut :

1. Usaha yang dilakukan oleh syeikh Muhammad bin Abdul Wahhab dalam menegakkan kalimat syahadah ini begitu besar sekali. Beliau berusaha di dalam dakwahnya memurnikan aqidah umat Islam dengan mengajak umat Islam kembali memahami al-Quran dan hadis Nabi dengan sebenar-benarnya. Beliau memerangi unsur-unsur yang mencemarkan aqidah umat Islam seperti syirik, bid'ah, khurafat dan sebagainya.
2. Metode dakwah Syeikh Muhammad bin Abdul Wahhab ini seluruhnya berdasarkan kepada al-Quran dan as-sunnah. Hal ini berdasarkan kesungguhan beliau dalam membela ajaran-ajaran al-Quran dan sunnah serta menjauhi dari perkara yang bertentangan dengan kedua-duanya.
3. Bahawa syahadah La ilaha illallah itu bukan semata-mata disebut dengan lidah sahaja tetapi menjadi kewajiban kepada setiap individu muslim mengetahui makna dan syarat-syaratnya, membenar dan juga beramal dengan tuntutan-tuntutannya serta mengelak dari perkara-perkara yang membatalkannya.
4. Tauhid dalam penyaksian syahadah La ilaha illallah itu merupakan tauhid uluhiah iaitu pengabdian hanya kepada Allah sahaja dan menafikan pengabdian selain dari Allah. Penyaksian kepada Tauhid ini

juga mengandung Tauhid Rububiah dan Tauhid Asma' wa al-Sifat

5. Kalimah Syahadat. La ilaha illallah merupakan kalimah yang agung, ia juga merupakan kalimah tauhid dan kalimah taqwa. Oleh itu menjadi kewajiban kepada mereka yang menyakini kalimah ini mentaati segala perintah Allah s.w.t dan RasulNya dengan melakukan segala suruhan dan meninggalkan segala larangan keduanya.

6. Aqidah mempunyai peranan yang penting dalam bidang mengenal Allah, di mana manusia mesti menyedari bahawa tidak cukup mengenal Allah itu semata-mata dengan tujuan untuk menyakinkan seseorang bahawa Allah itu sahaja yang menjadikan alam ini dan hanya Dialah yang berkuasa yang mencipta alam sekeliling, tetapi tujuan pokok mengenal Allah itu ialah mengesakan Allah sebagai Tuhan yang disembah dan hanya Dia yang berhak disembah.

7. Keyakinan serta pegangan yang teguh terhadap prinsip serta asas-asas aqidah Islamlah merupakan satu tenaga kekuatan rohaniah yang dapat menghalang serta menghindarkan diri seseorang dari unsur-unsur negetif yang boleh menjejaskan keyakinan terhadap kekuasaan Allah.



usaha dakwahnya yang dapat menarik bukan sahaja di kalangan orang bawahan bahkan juga pemerintah itu sendiri yang dapat mempengaruhi pihak pemerintah menyokong dakwahnya, maka sewajarnya ia menjadi panduan dan dicontohi oleh gerakan-gerakan Islam masa kini dengan syarat mereka tidak mengqadaikan perinsip Islam itu sendiri dan mereka ini juga hendaklah bersikap tegas, istiqamah dan iltizam dengan perjuangan Islam dengan berpegang kepada dua sumber yang penting iaitu al-Quran dan as-Sunnah.

### 5.3 Penutup.

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang yang telah melimpahkan rahmat dan inayahnya yang seluruh alam. Syukur alhamdulillah berkat taufiq dan hidayahnya, akhirnya penulis berjaya menyelesaikan kajian ilmiah ini. Penulis mengakui di dalam penulisan ini, terhadap banyak kelemahan dan kekurangan yang dilakukan oleh penulis samada disedari ataupun tidak.

Akhirnya penulis berdoa semoga Allah s.w.t sentiasa melimpahkan rahmatNya ke atas umat manusia. Penulis juga memanjatkan kesyukuran kepada Allah s.w.t di atas nikmat Islam, iman dan amal. Juga diharapkan semoga kita semua termasuk di dalam golongan yang beriman yang mempunyai keperibadian Islam yang tulen.